



THE
SARAWAK GOVERNMENT GAZETTE
PART II

Published by Authority

Vol. LXXVIII

21st December, 2023

No. 87

Swk. L. N. 411

MAJLIS ISLAM SARAWAK ORDINANCE, 2001

FATWA RULING ON *WAKAF* IN CASH, TEMPORARY *WAKAF*,
WAKAF IN SHARE AND *WAKAF* IN FINANCIAL ASSET

(Made under section 37)

In exercise of the powers conferred by section 37 of the Majlis Islam Sarawak Ordinance, 2001 [*Cap. 41*], the Majlis Islam Sarawak, upon the concurrence of the Yang di-Pertua Negeri, has made the following Fatwa:

Citation and Commencement

1. This Fatwa may be cited as the **Fatwa Ruling on *Wakaf* in Cash, Temporary *Wakaf*, *Wakaf* in Share and *Wakaf* in Financial Asset** and shall be deemed to have come into force on the 4th day of September, 2023.

Fatwa Ruling on *Wakaf* in Cash, Temporary *Wakaf*, *Wakaf* in Share and *Wakaf* in Financial Asset

2. The ruling on *Wakaf* in Cash, Temporary *Wakaf*, *Wakaf* in Share and *Wakaf* in Financial Asset is permissible.

Dated this 4th day of September, 2023.

DATU HAJI MISNU BIN HAJI TAHA
Yang Dipertua
Majlis Islam Sarawak

ORDINAN MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2001

FATWA HUKUM WAKAF TUNAI, WAKAF BERTEMPOH, WAKAF SAHAM
DAN WAKAF ASET KEWANGAN

(Dibuat di bawah seksyen 37)

Pada menjalankan kuasa – kuasa yang diberikan kepada Majlis Islam Sarawak oleh seksyen 37 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 [*Bab 41*], Majlis Islam Sarawak dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri, telah mengeluarkan fatwa berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Fatwa ini bolehlah dinamakan **Fatwa Hukum Wakaf Tunai, Wakaf Bertempoh, Wakaf Saham dan Wakaf Aset Kewangan** dan hendaklah berkuat kuasa pada 4 haribulan September 2023.

Hukum Wakaf Tunai, Wakaf Bertempoh, Wakaf Saham dan Wakaf Aset Kewangan

2. Hukum Wakaf Tunai, Wakaf Bertempoh, Wakaf Saham dan Wakaf Aset Kewangan adalah diharuskan.

Bertarikh pada 4hb September 2023.

DATU HAJI MISNU BIN HAJI TAHA
Yang Dipertua
Majlis Islam Sarawak

MIS/SLT/94/Jld.2 (31)

Swk. L. N. 412

MAJLIS ISLAM SARAWAK ORDINANCE, 2001

FATWA RULING ON TEACHING OF MILLAH ABRAHAM@IBRAHIM

(Made under section 37)

In exercise of the powers conferred by section 37 of the Majlis Islam Sarawak Ordinance, 2001 [*Cap. 41*], the Majlis Islam Sarawak, upon the concurrence of the Yang di-Pertua Negeri, has made the following Fatwa:

Citation and Commencement

1. This Fatwa may be cited as the **Fatwa Ruling on Teaching of Millah Abraham@Ibrahim** and shall be deemed to have come into force on the 4th day of September, 2023.

Fatwa Ruling on Teaching of Millah Abraham@Ibrahim

2. The creed and teaching of Millah Abraham@Ibrahim are deviant and contrary to the teachings of Islam because it contains the following elements:

- (a) bringing new teachings and government (Millah Abraham@Ibrahim);
- (b) claiming there is Prophets after the Prophet Muhammad S.A.W.;
- (c) casting aside people who do not follow the teaching of Millah Abraham@Ibrahim;
- (d) mixing three (3) religious teachings namely Islam, Christianity and Judaism;
- (e) misconstrue the meaning of judgment day;
- (f) understanding the Quran according to their own interpretation;
- (g) not performing five daily prayers and Friday prayers; or
- (h) obsessed with the teachings to the point of being willing to break the relationship among family members and between husband and wife if they do not follow these creed and teachings.

3. Any Muslim, whether individually or in a group, is prohibited and forbidden to adhere to the creed and teachings of Millah Abraham@Ibrahim including:

- (a) being a follower of the creed and teachings of Millah Abraham@Ibrahim or any creed and teachings that have similarities with the creed and teachings of Millah Abraham@Ibrahim;
- (b) being in a ceremony, festival or celebration that can be associated with the creed and teachings of Millah Abraham@Ibrahim;
- (c) declare himself as a person who adheres to the creed and teachings of Millah Abraham@Ibrahim or any creed and teachings that are similar to him through sworn confession or any other method;
- (d) hiding behind any economic activity, business, education, art and so on through organizations, associations or companies that have similar elements with the teachings, practices and beliefs of those who adhere to the creed and teachings of Millah Abraham@Ibrahim;
- (e) through organizations, associations or companies that try to revive the creed and teachings of those who adhere to the creed and teachings of Millah Abraham@Ibrahim;

(f) teaching, organizing, holding, helping to make any festival, celebration or event that can be associated with the creed of those who adhere to the creed and teachings of Millah Abraham@Ibrahim;

(g) possess, store, print, sell or distribute films, recordings, audios, pamphlets, books, magazines or any publications, pamphlets or any documents using any form of signs, diagrams or signs that can relate to the creed and teachings of those who adhere to the creed and teachings of Millah Abraham@Ibrahim;

(h) has pledged allegiance (loyalty) to the creed and teachings of Millah Abraham@Ibrahim; or

(i) practicing, spreading and developing the understanding and teachings of Millah Abraham@Ibrahim in Sarawak.

4. Any variation, version, form or branch of any new teachings, tenets or creed that have similarities with the elements of the teachings, tenets and creed of those who adhere to the tenets and teachings of Millah Abraham@Ibrahim is deemed to be practicing the teachings, tenets and creed that contradict the true teachings of Islam.

5. Any publicity material and distribution that highlights the teachings, tenets or creed of those who adhere to the creed and teachings of Millah Abraham@Ibrahim or any creed and teachings that are similar to it in any form of publication and print or broadcast in any website, blog, facebook, twitter or other social media is prohibited.

6. Any Muslim who has pledged allegiance or practices the creed and teachings of Millah Abraham@Ibrahim is considered to be in contradict with the true teachings of Islam according to the Ahli Sunnah Wal Jama'ah and should immediately repent and seek forgiveness from Allah S.W.T.

Dated this 4th day of September, 2023.

DATU HAJI MISNU BIN HAJI TAHA
Yang Dipertua
Majlis Islam Sarawak

ORDINAN MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2001

FATWA HUKUM AJARAN MILLAH ABRAHAM@IBRAHIM

(Dibuat di bawah seksyen 37)

Pada menjalankan kuasa – kuasa yang diberikan kepada Majlis Islam Sarawak oleh seksyen 37 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 [**Bab 41**], Majlis Islam Sarawak dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri, telah mengeluarkan fatwa berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Fatwa ini bolehlah dinamakan **Fatwa Hukum Ajaran Millah Abraham@Ibrahim** dan hendaklah berkuat kuasa pada 4 haribulan September, 2023.

Fatwa Hukum Ajaran Millah Abraham@Ibrahim

2. Fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim adalah menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam kerana mengandungi elemen-elemen seperti yang berikut:

- (a) membawa ajaran dan kerajaan baharu (Millah Abraham@Ibrahim);
- (b) mendakwa ada Rasul selepas Nabi Muhammad S.A.W.;
- (c) mensyirikkan golongan yang tidak mengikuti ajaran Millah Abraham@Ibrahim;
- (d) menggabungkan tiga (3) ajaran agama iaitu Islam, Kristian dan Yahudi;
- (e) menyalahertikan maksud kiamat;
- (f) memahami al-Quran mengikut tafsiran sendiri;
- (g) tidak melaksanakan solat lima waktu dan solat Jumaat; atau
- (h) taksub kepada ajaran sehingga sanggup memutuskan hubungan keluarga dan suami isteri sekiranya tidak mengikuti fahaman dan ajaran ini.

3. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang dan diharamkan untuk berpegang kepada fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim termasuklah:

- (a) menjadi pengikut kepada fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim atau apa-apa fahaman dan ajaran yang mempunyai persamaan dengan fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim;
- (b) berada dalam majlis, perayaan atau sambutan keraian yang boleh dikaitkan dengan fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim;
- (c) mengisytiharkan diri orang yang berpegang dengan fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim atau apa-apa fahaman dan ajaran yang mempunyai persamaan dengannya melalui pengakuan bersumpah atau apa-apa kaedah lain;
- (d) berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan ajaran, pegangan dan fahaman mereka yang berpegang dengan fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim;

(e) melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali fahaman dan ajaran mereka yang berpegang dengan fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim;

(f) mengajar, menganjur, mengadakan, membantu menjayakan apa-apa perayaan, sambutan keraian atau majlis yang boleh diakitkan dengan fahaman mereka yang berpegang dengan fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim;

(g) memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman, audio, risalah, buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokumen menggunakan apa-apa bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan fahaman dan ajaran mereka yang berpegang dengan fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim;

(h) telah berbai'ah (taat setia) dengan fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim; atau

(i) mengamalkan, menyebarkan dan mengembangkan fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim di Negeri Sarawak.

4. Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman baru yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur ajaran, pegangan dan fahaman mereka yang berpegang dengan fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar.

5. Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan atau fahaman mereka yang berpegang dengan fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim atau apa-apa fahaman dan ajaran yang mempunyai persamaan dengannya dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, *facebook*, *twitter* atau media sosial lain adalah diharamkan.

6. Mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan fahaman dan ajaran Millah Abraham@Ibrahim adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah S.W.T.

Bertarikh pada 4hb September 2023.

DATU HAJI MISNU BIN HAJI TAHA
Yang Dipertua
Majlis Islam Sarawak

MIS/SLT/94/Jld.2 (31)



DICETAK OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD, KUCHING, SARAWAK
BAGI PIHAK DAN DENGAN KUASA PERINTAH KERAJAAN SARAWAK